MODUL 4 - BUKU CATATAN PERTAMA

1. Dialog berikut berlaku di antara Cik Judy dengan Puan Azura mengenai dokumen perniagaan.

Judy : Puan Azura, invois yang syarikat kami hantar semalam telah tertinggal caj angkutan.
Azura: Ya ke? Cik Judy nak betulkan dalam invois itu ke?
Judy : Tak perlu. Kami akan hantar satu dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj dalam invois itu.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh Cik Judy?

A Makluman debit
B Makluman kredit
C Nota debit
D Nota kredit

SPM 2008

2. Urus niaga yang manakah direkod dalam Buku Tunai sebelah kredit?

I Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima
II Menjelaskan hutang kepada pembekal
III Mengambil wang perniagaan untuk kegunaan peribadi
IV Membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2008

3. Kedai Perabot Boon Hwa menjual van terpakai secara kredit kepada Makmur Catering. Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?

A Jurnal Am
B Buku Tunai
C Jurnal Jualan
D Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2008

4. Data berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

		RM
1 Jan. 2007	Jumlah penerimaan	200
1 Jan. – 31 Jan. 2007	Jumlah pembayaran	170
1 Feb. 2007	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

A RM30
B RM170
C RM200
D RM370

SPM 2008

5. Dokumen berikut diterima oleh Cik Ani seorang kerani akaun.

MEMO
Kedai Perabot Siti Murni

Tarikh: 7 Mac 2008

Peringatan:
Pemilik (Siti Murni) telah mengeluarkan sebuah meja dan kerusi untuk kegunaan anaknya bernilai RM180.00
(Ringgit Malaysia: Seratus lapan puluh sahaja)

Siti
Pengurus

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Perabot
B	Perabot	Belian
C	Perabot	Ambilan
D	Ambilan	Belian

SPM 2009

6. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Buku Mas.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM
					Jan. 11	**M**			3 000

Apakah **M**?

A Modal
B Jualan
C Belian
D Dividen

SPM 2009

7. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Perniagaan Melor.

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran	
2009			RM	RM	Alat tulis	Tambang
Jan. 1	Bank		200			
13	Kertas taip			60	60	
20	Tambang teksi			36		36
			200	96	60	36
31	Baki	h/b		104		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

A RM96
B RM104
C RM192
D RM200

SPM 2010

8. Perbualan berikut berlaku antara peniaga dengan pekerjanya.

Apakah buku catatan pertama yang terlibat dalam urus niaga yang dinyatakan?

A Jurnal Jualan
B Jurnal Belian
C Jurnal Pulangan Belian
D Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2009

9. Pada 5 Januari 2010, Kedai Alat Tulis Suhana membeli perabot secara kredit bernilai RM2 600 daripada Kedai Perabot Tania.

Bagaimanakah urus niaga ini dicatat dalam buku akaun Kedai Alat Tulis Suhana?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010		RM	RM
Jan. 5	Belian	2 600	
	Perabot		2 600

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010		RM	RM
Jan. 5	Belian	2 600	
	Kedai Perabot Tania		2 600

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010		RM	RM
Jan. 5	Perabot	2 600	
	Belian		2 600

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010		RM	RM
Jan. 5	Perabot	2 600	
	Kedai Perabot Tania		2 600

SPM 2010

10. Antara yang berikut, urus niaga manakah yang direkod dalam Buku Tunai?

I Bayar gaji
II Ambil barang niaga
III Beli perabot dengan cek
IV Beli mesin secara kredit

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

SPM 2010

11. Rekod urus niaga di dalam buku catatan pertama dibuat berdasarkan dokumen sumber. Pilih padanan yang tepat.

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Debit (Asal)
B	Jurnal Pulangan Belian	Nota Kredit (Asal)
C	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
D	Jurnal Belian	Invois (Salinan)

SPM 2011

12. Jurnal Belian berikut diperoleh daripada Kedai Manja pada 31 Januari 2012.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2012		RM
Jan. 4	Adik Enterprise	1 450
21	Syarikat Tan Sdn. Bhd.	3 700
31	**X**	5 150

Apakah **X**?

A Akaun Belian
B Jumlah Belian
C Akaun Belum Bayar
D Jumlah Jurnal Belian

SPM 2012

13. Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku perniagaan seorang peniaga.

Tarikh	Butir	Jumlah
2015		RM
Julai 10	Perniagaan Amir	100
20	Perniagaan Udin	150
31	Z	250

Apakah butir Z?

A Akaun Jualan
B Akaun Belum Terima
C Akaun Pulangan Jualan
D Jumlah Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2015

14. Dokumen 2 menunjukkan urus niaga yang akan dicatat dalam Jurnal Am Kedai Elektrik Muslimat.

ASAL **No. : 0020**

INVOIS
Syarikat Perabot Usop
12, Jalan Zabedah
83000 Batu Pahat
Tel:07-4326884

Tarikh: 6 Mac 2012

Kepada
Kedai Elektrik Muslimat
20, Jalan Besar Seri Medan
83400 Batu Pahat, Johor

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
			RM	RM
1	Meja tulis	1	400.00	400.00
				400.00
			Tolak: Diskaun niaga	–
			Jumlah	400.00

(Ringgit Malaysia: Empat ratus sahaja)

Syarat : 5 % 10 hari, 2 % 20 hari

K. & K. di *K*

Ani
Penerima

Usop
Pengurus

Dokumen 2

Catatan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012		RM	RM
Mac 6	Belian	400	
	Syarikat Perabot Usop		400

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012		RM	RM
Mac 6	Perabot	400	
	Syarikat Perabot Usop		400

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012		RM	RM
Mac 6	Syarikat Perabot Usop	400	
	Belian		400

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012		RM	RM
Mac 6	Syarikat Perabot Usop	400	
	Perabot		400

SPM 2012

15. Butiran manakah yang akan dicatat dalam lajur belanja am di Buku Tunai Runcit?

I Gaji kerani
II Alatan pejabat
III Minuman pelanggan
IV Sabun pencuci pinggan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2012

16. Dokumen 1 diterima oleh Kedai Buku Husni.

MAKLUMAN KREDIT

MB Bank
10 Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat
Johor

Tarikh: 20 April 2014

Kepada
Kedai Buku Husni
No 43 Jalan Kluang
83000 Batu Pahat

No. Akaun: 0707-88754-04

Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:

Ringgit Malaysia : Dua ratus lapan puluh sahaja
Perkara : Faedah atas simpanan tetap

RM280.00

....Mala.....
Pengurus

Dokumen 1

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

A Debit ruangan bank RM280
B Debit ruangan tunai RM280
C Kredit ruangan bank RM280
D Kredit ruangan tunai RM280

SPM 2014

17. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

A Merekod belanja kecil
B Mengawal wang masuk dan wang keluar
C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

SPM 2013

18. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?

I Membeli barang niaga secara kredit
II Memulangkan barang niaga yang rosak
III Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
IV Membeli barang niaga secara tunai

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2013

19. Kedai Ameerul memberikan maklumat seperti berikut:

2007		RM
Jan. 15	Membeli barang niaga daripada Ahmad secara kredit	3 000
31	Menjelaskan hutang kepada Ahmad dengan cek	2 750
	Menerima diskaun	250

Bagaimanakah urus niaga pada 31 Januari 2007 dicatatkan dalam Buku Tunai?

A

Dt **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM
Jan. 31	Ahmad	250		3 000					

B

Dt **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM
Jan. 31	Ahmad	250		2 750					

C

Dt **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM
					Jan. 31	Ahmad	250		3 000

D

Dt **Buku Tunai** **Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2007					2007		RM	RM	RM
					Jan. 31	Ahmad	250		2 750

SPM 2008

20. Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Maju bagi bulan Julai 2014.

	RM
Jumlah penerimaan	300
Jumlah pembayaran	275
Baki akhir bulan	25

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

A RM25
B RM275
C RM300
D RM575

SPM 2014

21. Urus niaga manakah merupakan catatan kontra dalam Buku Tunai?

A Mengeluarkan tunai untuk kegunaan keluarga
B Mengeluarkan tunai untuk menjelaskan hutang
C Memindahkan tunai perniagaan ke dalam bank
D Memindahkan tunai peribadi ke dalam perniagaan

SPM 2012

22. Maklumat apakah yang dicatat di lajur butir dalam Jurnal Belian?

A Nama pemilik
B Nama Akaun Belum Bayar
C Nama Akaun Belum Terima
D Nama barang niaga

SPM 2015

23. Pasangan manakah yang betul untuk merekod urus niaga dalam buku catatan pertama?

	Urus Niaga	Buku Catatan Pertama
A	Terima invois kerana pembelian perabot kedai	Jurnal Am
B	Keluar nota kredit kerana harga barang niaga terkurang caj dalam invois	Jurnal Belian
C	Terima nota kredit kerana pemulangan barang niaga yang rosak	Jurnal Pulangan Jualan
D	Terima invois daripada pembekal barang niaga	Jurnal Jualan

SPM 2017

24. Antara yang berikut, bayaran manakah yang direkod dalam Buku Tunai Runcit?

I Setem RM10
II Gaji kerani RM350
III Minuman pelanggan RM45
IV Komputer pejabat RM2 500

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

SPM 2016

25. Dokumen 1 berkaitan dengan urus niaga tunai yang berlaku antara Rajan Store dengan pelanggan.

SALINAN **RS 0143**

RESIT RASMI
Rajan Store
16 Jalan Sudirman
28400 Temerloh

Tarikh: 15 Jun 2015

Diterima daripada : Kedai Ani
Ringgit Malaysia : Seribu enam ratus lima puluh sahaja. (Diskaun RM50)
Untuk bayaran : Bayaran sebahagian invois no. 02755

RM1 650
Tunai / Cek : 1800123

Rajan
Pengurus

Dokumen 1

Catatan manakah yang betul dalam Jurnal Penerimaan Tunai?

Jurnal Penerimaan Tunai

	Tarikh	Akaun/ Perkara	Fol.	No. Resit	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Jualan	Akaun Belum Terima
	2015				RM	RM	RM	RM	RM
A	Jun 15	Kedai Ani		0143	50	1 650			1 700
B	Jun 15	Kedai Ani		0143	50		1 650	1 700	
C	Jun 15	Kedai Ani		0143	50		1 650		1 700
D	Jun 15	Kedai Ani		0143	50	1 650		1 700	

SPM 2015

26. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hani.

MEMO
Perniagaan Hani
4, Jalan Mahkota,
20860 Kuantan, Pahang.

Tarikh: 4 Julai 2017

Peringatan:
Pemilik membawa masuk sebuah rak buku bernilai RM2 000 sebagai modal tambahan perniagaan.

Hani
Pengurus

Cara perekodan yang tepat ialah

	Tarikh 2017	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
A	Jul. 4	Modal Perniagaan Hani		2000	 2000
B	Jul. 4	Perniagaan Hani Modal		2000	 2000
C	Jul. 4	Modal Perabot		2000	 2000
D	Jul. 4	Perabot Modal		2000	 2000

SPM 2017